

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 12 OCTOBER 2016 |

# Tun Mahathir ubah fikiran bimbang tidak dapat sokongan – Annuar


UM-12/10/2016

**KUALA LUMPUR 11 Okt.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengubah pandangan untuk mencalonkan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri pakatan pembangkang seperti yang diumumkankannya di London dua minggu lalu kerana bimbang tindakan itu tidak akan mendapat sokongan parti-parti pembangkang lain terutama DAP.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, Dr. Mahathir sedar beliau tidak mempunyai kedudukan atau *locus standi* untuk mencalonkan sesiapa pun

untuk mengisi jawatan itu selepas bersama pakatan pembangkang untuk menggulingkan kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana DAP merupakan pemimpin *de facto* dalam pakatan tersebut.

“Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) hanyalah sebuah parti kecil yang masih belum teruji atau memegang sebarang kerusi Parlimen dan Dr. Mahathir sendiri bukan seorang ahli Parlimen atau memimpin sesuatu parti. Justeru,



**ANNUAR MUSA**

beliau tidak mempunyai local standi untuk menentukan siapa bakal Perdana Menteri pakatan pembangkang,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau mengulas wawancara Dr. Mahathir dalam portal berita propembangkang, *Malaysiakini* berhubung

Muhyiddin layak memimpin PPBM, namun kemampuannya untuk menerajui pentadbiran kerajaan adalah soal yang berbeza.